



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

KP(BS)8591/Jld.VIII / (46)

2 Januari 1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/1997 : **Dasar dan Peraturan Mengenai Nama Sekolah**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk memaklumkan dasar dan peraturan mengenai Nama Sekolah.

2. Merujuk kepada Seksyen 2, Akta Pendidikan 1996, berikut ialah dasar dan peraturan baru Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai nama sekolah.

- 2.1 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) diubah kepada "Sekolah Jenis Kebangsaan" (SJK).
- 2.2 Sekolah Rendah Kerajaan (SRK), Sekolah Rendah Bantuan (SRB) dan Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), diubah kepada "Sekolah Kebangsaan" (SK)
- 2.3 Sekolah Kebangsaan (SK) adalah dikekalkan.
- 2.4 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), Sekolah Menengah Kerajaan (SMK), Sekolah Menengah Bantuan (SMB) dan Sekolah Menengah (SM) diubah kepada "Sekolah Menengah Kebangsaan" (SMK).
- 2.5 Nama-nama sekolah hendaklah ditulis dengan penuh. Penggunaan huruf singkatan seperti "REN", "MEN", "KEB", "SEK", "SBP" dan "SMT/SMV" tidak dibenarkan.

3. Tarikh akhir pelaksanaan pertukaran nama sekolah ialah 1 Januari 1998.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan. Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia, Paras 7, Blok J, Pusat Bandar Damansara, 50604 Kuala Lumpur

Tel : 03-2556900 Fax : 03-2535150

- s.k
1. Y.B. Datuk Seri Mohd Najib b. Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Datuk Haji Mohd. Khalid b. Mohd. Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia



KP(BS)8591/Jld.VIII / (48)

20 Januari 1997

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

DASAR DAN PERATURAN MENGENAI NAMA SEKOLAH

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1997 bertarikh 2 Januari 1997 adalah dirujuk.

2. Surat ini adalah untuk menjelaskan kekeliruan tentang penggunaan istilah "Cina" atau "Tamil" dihubung nama "Sekolah Jenis Kebangsaan".

3. Seksyen 2 Akta Pendidikan 1996, mentafsirkan sekolah jenis kebangsaan seperti berikut :

"Sekolah Jenis Kebangsaan" ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan.

- a) yang menyediakan pendidikan rendah yang sesuai bagi murid dari umur enam tahun;
- b) yang menggunakan Bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama; dan
- c) yang menjadikan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris mata pelajaran wajib.

4. Berdasarkan Seksyen tersebut bolehlah menggunakan istilah "Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)" bagi sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama; dan "Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)" bagi sekolah rendah yang menggunakan Bahasa Tamil.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(TAN SRI DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia